

Analisis Budaya Troll Menurut Perspektif Hukum Islam [Analysis on the Troll Culture from Islamic Perspective]

Mohd Anuar Ramli*
Nadia Salwa Roslan

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603,
Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author: mohdanuar@um.edu.my

Received Date: 24 July 2018
Accepted Date: 30 January 2019

Abstract

The development of information and communication technology has brought about a great change in communication patterns in society. In addition to the positive culture, these advances have also led to a negative culture in society. For example, the troll culture is increasingly becoming the current medium of communication with a variety of objectives, among others, insulting and dropping a person's reputation or just a matter of humor and jokes. In this regard, this study will discuss the Islamic ruling perspective on trolls. To achieve this objective, this qualitative study uses a full library approach by referring to the literature relating to trolls and Muslim-scholars discussions. The collected data analyzed its content with a deductive approach to formulate the Islamic ruling perspective on the culture of troll. The study finds that troll culture is prohibited by Islam because it involves human dignity, while protecting human dignity is part of the objective of Shari'ah. Therefore, this culture should not be a healthy medium of communication within the community.

Keywords: troll culture, communication, humor, dignity, maqasid al-Shariah.

Abstrak

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi menimbulkan perubahan yang besar terhadap corak komunikasi dalam masyarakat. Di samping pemupukan budaya yang positif, kemajuan ini turut menimbulkan budaya yang negatif dalam masyarakat. Misalnya budaya troll yang makin menjadi medium komunikasi masa kini dengan berbagai objektif, antaranya menghina dan menjatuhkan reputasi seseorang atau sekadar bahan usikan dan jenaka. Sehubungan itu kajian ini akan membincangkan tentang perspektif hukum Islam tentang troll. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kepustakaan sepenuhnya dengan merujuk literatur yang berkaitan dengan troll dan perbincangan ulama. Data yang dikumpulkan dianalisis kandungannya dengan pendekatan deduktif bagi

merumuskan perspektif hukum Islam tentang budaya troll. Hasil kajian mendapati, secara asasnya budaya troll adalah dilarang oleh Islam kerana ia melibatkan maruah manusia, sedangkan menjaga maruah manusia sebahagian daripada objektif Syarak. Oleh itu, budaya ini tidak sewajarnya menjadi medium komunikasi yang sihat dalam masyarakat.

Kata kunci: *budaya troll, komunikasi, jenaka, maruah, maqasid Shariah.*

Pendahuluan

Troll merupakan gejala pembulian siber yang cepat tersebar pada abad yang ke 21 (Klempka & Stimson, 2011). *Troll* berlaku pada setiap rangkaian sosial di seluruh dunia. Menurut Griffiths (2014), aktiviti *troll* ini berlaku dalam mana-mana forum, permainan video dan media sosial terutamanya bahagian komentar di mana ianya adalah ruangan yang paling mudah terdedah kepada aktiviti *troll*. Melihat kepada kecanggihan teknologi kini, *troll* lebih banyak berlaku di rangkaian sosial yang lebih moden seperti Facebook, Whatapps, dan Instagram (Ansong et al. 2013). Antara isu-isu yang kerap dijadikan umpan *troller* termasuk isu-isu stereotaip, etnik perkauman, politik, sukan dan hiburan (Morissey, 2010). *Troll* biasanya dilakukan untuk mendapatkan perhatian dan tindak balas daripada pengguna-pengguna dalam talian selain bertujuan untuk menjatuhkan seseorang melalui cara penghinaan, ejekan dan sebagainya. Oleh sebab itu, ramai mangsa *troll* menghadapi tekanan dan gangguan emosi yang teruk apabila menjadi mangsa *troll* di dalam talian. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan tentang budaya troll dari perspektif hukum Islam.

Pengertian *Troll*

Troll berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris. Menurut *Kamus Dwibahasa* (2011), *troll* bermaksud “menaja”. *Troll* berasal dari satu kaedah “memancing” di mana individu akan menangkap ikan dan kemudian perlahan-lahan pergi ke belakang dan menyeret umpan dengan tujuan untuk mengharapakan santapan (Fragoso, 2015). Maka, lebih tepat lagi, *troll* diertikan sebagai tindakan memancing orang lain ke dalam perbincangan yang sia-sia dan membuang masa dengan tujuan untuk mendapatkan tindak balas tertentu daripada pengguna lain umumnya tindak balas negatif dengan cara memprovokasi, mengganggu dan menghuru-harakan forum dalam talian sama ada secara sengaja mahupun tidak sengaja.. Ia dilakukan ke atas individu tertentu secara bersendirian ataupun berkumpulan (Bishop, 2013). Asasnya, *troll* dilakukan bagi memburukkan dan menjatuhkan seseorang dengan cara menyebarkan maklumat palsu mahupun benar. Adakalanya juga, *troll* dilakukan untuk menyakitkan hati individu yang menjadi mangsa selain dilakukan untuk tujuan keseronokan diri semata-mata. Pengguna lain yang terjebak ke dalam tindakan *troll* ini tidak mendapat

manfaat daripadanya bahkan membuatkan pengguna lain kelihatan bodoh dan beremosi dengan aktiviti *troll* yang disebar (Morissey, 2010).

Secara asasnya dalam budaya *troll*, terdapat beberapa elemen utama, iaitu pihak yang melakukan *troll*, pihak yang kena *troll*, pihak yang menyebarkan *troll*, isu *troll*, medium *troll* disebar dan tujuan *troll* dilakukan. Aktiviti *troll* boleh berlaku apabila tiga elemen penting berikut dilakukan yakni (i) niat bermaklumat (ii) niat pesanan tinggi dan (iii) rangsangan (Fragoso, 2015). Ketiga-tiga elemen ini boleh menarik penerima untuk terjebak ke dalam aktiviti *troll*. Niat bermaklumat bermaksud apa yang ingin dicapai *troller* daripada aktiviti *troll* yang dilakukannya. Melalui elemen ini, *troller* akan mencipta dan melontarkan idea bagi menghasut penerima lain supaya terjebak ke dalam perbincangan idea tersebut. Pesanan tinggi niat pula bermaksud tindakan atau strategi yang dilakukan *troller* yang akan menarik penerima sehingga penerima bertindak membetulkan kesilapan dengan menggunakan rangsangan. Elemen rangsangan ini akan terhasil sekiranya strategi yang digunakan *troller* berjaya. Sebagai contoh, *troller* berniat untuk memburukkan dan menjatuhkan seseorang individu. Maka *troller* akan mencipta umpan atau idea bagi merealisasikan niat tersebut bagi mendapatkan tindak balas daripada penerima lain seperti menyebarkan maklumat palsu yang memburukkan individu yang ingin dijatuhkannya. Jika penerima lain memberi respon terhadap idea atau umpan yang dibentangkan *troller*, maka aktiviti *troll* ini dianggap berjaya. Contoh kaedah *troll* seperti ini kita dapat lihat banyak berlaku di media sosial. Selain itu juga, kita sering lihat bentuk *troll* seperti ini banyak ditujukan kepada ahli politik di mana *troll* tersebut dilakukan berikutan rasa tidak puas hati, marah dan dendam terhadap ahli politik tersebut. Kesemua bentuk *troll* ini telah dikira berjaya melengkapinya kesemua elemen asas dalam perlakuan *troll* kerana niat *troller* terealisasi apabila masyarakat memberi respons terhadap mesej *troll* yang telah dilontarkan (Morissey, 2010).

Faktor Perlakuan Budaya *Troll*

Umumnya, *troll* dilakukan untuk tujuan memalukan dan mengganggu pengguna lain dalam talian. Beliau turut menyatakan bahawa adakalanya *troll* dilakukan semata-mata untuk hiburan dan adakalanya juga *troll* dilakukan kerana didorong oleh motif yang lebih serius termasuk matlamat politik (McCosker, 2013). Kajian juga mendedahkan bahawa *troller* sebenarnya melakukan *troll* kerana berasa bosan dan ingin mencari keseronokan (Ansong et al., 2013). Selain itu, seseorang *troller* melakukan *troll* adalah kerana didorong dengan sifat dendam dan marah terhadap seseorang individu sekaligus mengambil tindakan memburukkan, mengaibkan, dan memfitnah mangsa dengan tuduhan atau kandungan mesej yang palsu untuk menjatuhkannya (Fragoso, 2015). Dari satu sudut yang lain,, motif *troller* melakukan *troll* juga adalah untuk membuat membuat mangsa *troll* kelihatan bodoh pada pandangan penonton, sekaligus memalukan dan memburukkan si mangsa (Morissey, 2010).

Antara sebab lain yang menjadi punca utama mengapa *troll* ini dilakukan dan masih terus berlaku walaupun ianya dikatakan sebagai jenayah siber adalah kerana identiti *troller* di dalam talian boleh dirahsiakan (Klempka & Stimson, 2013). Ini bermaksud, *troller* boleh memalsukan pesonaliti dirinya dengan berpura-pura menjadi orang yang berbeza umur, jantina, kewarganegaraan, profesion, dan lain-lain daripada mereka yang sebenarnya pada dunia realiti. Rentetan daripada aktiviti *troll* yang berlaku di media sosial, kajian telah menunjukkan hasil bahawa hampir satu pertiga daripada mangsa yang kena *troll* hilang keyakinan akibat daripada perlakuan *troll* tersebut. Lebih menyedihkan lagi bahawa hasil kajian juga mendapati bahawa hampir keseluruhan daripada mangsa yang kena *troll* menghadapi tekanan emosi yang serius sehingga menyebabkan mereka ponteng sekolah, cederakan diri sendiri dan ada juga yang sampai ke tahap membunuh diri (knowthenet.org.uk, 2018). Ini memperlihatkan kepada kita bahawa terdapat pelbagai sebab yang menjadi pendorong kepada pelaksanaan aktiviti *troll* dalam talian dan aktiviti ini memberi impak yang sangat buruk kepada individu yang menjadi mangsa.

Selain itu, punca mengapa aktiviti *troll* masih terus berkembang di media sosial adalah kerana mangsa aktiviti *troll* kebiasaannya tidak melaporkan kegiatan *troller* kepada pihak berkuasa. Terdapat satu kajian ke atas remaja yang menjadi mangsa penyalahgunaan siber menunjukkan bahawa mereka hanya berdiam diri tanpa melakukan apa-apa tindakan. 36% daripada mereka memutuskan untuk tidak melaporkan jenayah penyalahgunaan siber kerana mereka merasakan tiada tindakan yang akan diambil oleh pihak berkuasa dan sebahagian kumpulan remaja yang lain mengambil keputusan untuk berdiam diri di mana hanya 37% sahaja daripada remaja yang dikaji pernah melaporkan kejadian buli dalam talian. Selain itu, 45% daripada remaja yang ditinjau merasakan bahawa laman web yang wujud di media sosial tidak berusaha sedaya upaya untuk melindungi hak-hak pengguna dalam talian (knowthenet.org.uk, 2018).

Contoh Budaya *Troll* di Malaysia

Aktiviti *troll* berlaku pada setiap rangkaian sosial di seluruh dunia dalam setiap masa dan kesempatan. Kebiasaannya, isu-isu yang kerap dijadikan umpan *troller* termasuklah isu-isu stereotaip, suku kaum, politik, hiburan dan khabar angin. Antara contoh *troll* yang berlaku di Malaysia adalah:

1. *Troll* dilakukan untuk mengganggu pengguna dalam talian dengan mencipta idea-idea atau kata-kata yang boleh menyakitkan hati pengguna tersebut. Contohnya, *troll* yang dilakukan kepada Maybank di mana *troller* sengaja mengajukan persoalan yang tiada kaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Maybank di mana persoalan tersebut boleh menyakitkan hati pihak Maybank apabila membacanya (carigold.com, 2018).

2. *Troll* dilakukan dengan cara membuat tuduhan atau kandungan mesej yang palsu bagi tujuan menjatuhkan, mengaibkan, memburukkan dan memfitnah seseorang individu. Sebagai contoh, *troll* yang memaparkan aksi Dato Seri Azalina Othman mendukung pengacara televisyen, Azwan Ali seolah-olah ingin menunjukkan kepada umum bahawa mereka berdua mempunyai hubungan peribadi secara tidak langsung ianya mengaibkan kedua-dua individu tersebut (mediapenmerah.com, 2018).
3. *Troll* dilakukan untuk membuat mangsa yang ditroll kelihatan bodoh pada pandangan pembaca sekaligus memalukan dan memburukkan si mangsa. Contohnya, *troll* yang melibatkan ahli politik yang bernama Hasan Bin Ali di mana kandungan *troll* yang dicipta *troller* itu menggunakan ayat yang menyindir ahli politik tersebut (segambutprincess.blogspot, 2018).
4. *Troll* dilakukan hanya sekadar hiburan dan gurauan semata-mata. Contohnya, *troll* iklan “qu puteh” yang memaparkan unsur lawak “batman” menampar seorang lelaki yang mengucapkan *trademark* produk tersebut (says.com, 2018).
5. Seseorang *troller* melakukan *troll* adalah kerana didorong dengan sifat dendam, marah dan hasad terhadap seseorang individu. *Troll* seperti ini kebiasaannya dilemparka kepada ahli politik apabila *troller* berasa marah dan tidak berpuas hati dengan tindakan yang ahli politik tersebut lakukan. Sebagai contoh, *troll* yang ditujukan kepada mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Najib Tun Razak di mana kandungan *troll* tersebut menunjukkan rasa tidak puas hati *troller* kepada Perdana Menteri kerana menaikkan harga barangan selain sayur kangkung dengan memaparkan gambar Dato’ Najib memegang sayur kangkung seolah-olah menyindir Dato’ Najib dengan *caption* “kangkung ini bukti saya faham kesusahan rakyat” (babab.net, 2018).

Jelasnya, dalam budaya *troll* di atas, dapat dilihat bahawa terdapat banyak akhlak-akhlak buruk yang diamalkan di dalam budaya *troll* seperti marah, hasad, dendam, mengumpat, berdusta, mengata dan memaki, mempersenda, memfitnah, mengganggu, mengaibkan, memalukan dan memburukkan seseorang.

Budaya *Troll* Menurut Perspektif Hukum Islam

Melihat kepada kecanggihan dunia teknologi kini, ramai individu yang tidak menitikberatkan soal akhlak dan etika ketika berkomunikasi di media sosial. Terdapat segelintir daripada masyarakat telah menyalahgunakan peranan media sosial sendiri dengan melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan sahsiah dan peribadi diri. Ini dapat dilihat melalui tindakan sesetengah masyarakat yang melakukan aktiviti penyalahgunaan siber iaitu *troll* dengan menonjolkan akhlak-akhlak buruk seperti memfitnah, mengganggu dan mengaibkan yang mana pada akhirnya memberi impak negatif serta tamparan yang amat hebat kepada individu yang menjadi mangsa. Bagi memudahkan lagi perbincangan mengenai hukum *troll*,

penulis membahagikan tujuan pelaksanaan *troll* kepada dua iaitu *troll* yang dilakukan dengan tujuan negatif dan positif.

Hukum *Troll* yang Bertujuan Negatif

Sepertimana yang diketahui, Islam amat melarang keras tindakan memfitnah, mengganggu, mengaibkan, mempersenda, memaki, mengumpat, dan memburukkan orang lain seperti mana yang ditonjolkan di dalam budaya *troll*. Pelaksanaan aktiviti *troll* ini dilarang adalah untuk menjaga akhlak serta silatur-rahim sesama manusia. Hal ini kerana, aktiviti *troll* ini apabila dilakukan, ianya mendatangkan implikasi buruk kepada individu-individu yang terlibat terutamanya mangsa *troll* di mana aktiviti ini boleh mengganggu emosi mangsa secara tidak langsung akan mewujudkan api permusuhan mangsa terhadap *troller*.

1. Mengada-adakan perkara yang tiada

Jika dilihat kepada bentuk pelaksanaan aktiviti *troll* di media sosial, kebanyakan kandungan meseg *troll* yang dicipta *troller* adalah bersifat dusta dan fitnah semata-mata. Kebiasaannya, *troller* yang mencipta *troll* yang kandungannya bersifat dusta dan fitnah ini adalah bertujuan untuk menjatuhkan serta memburukkan individu yang *troller* musuhi. Sedangkan dalam Islam, mengada-adakan sesuatu yang tiada yakni berdusta dan memfitnah adalah dilarang sama sekali kerana ianya adalah tindakan yang boleh menghasilkan dosa besar serta boleh menyebabkan seseorang itu dicampakkan ke dalam api neraka. Larangan tindakan berdusta banyak disebut di dalam nas-nas al-Quran dan hadis. Berikut merupakan hadis-hadis yang memperkatakan mengenai hal tersebut:

روي عن أبي بكر الصديق رضي الله عنه كان يخطب بعد وفاة قائم رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: قام فينا رسول الله صلى الله عليه وسلم في مقامي هذا عام الأول ثم بكى أبو بكر وقال: إياكم والكذب فإنه مع الفجور وهما في النار

Diriwayatkan oleh setengah sahabat bahawa Saidina Abu Bakar as-Sidiq radiyallahu 'anhu adalah dia membaca khutbah kemudian daripada wafat Rasulullah SAW, maka dia berkata: Berdiri pada kami Rasulullah pada tempat aku berdiri ini pada tahun yang dahulu kemudian Baginda menangis dan bersabda: Takuti olehmu akan berdusta itu, maka bahawasanya orang yang dusta itu serta orang yang berbuat maksiat dan keduanya di dalam api neraka (Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, no. hadis: 3849).

عن أبي بكر رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ألا أنبئكم بأكبر الكبائر؟ - ثلاثاً - قلنا: بلى يا رسول الله، قال: الإشراك بالله، وعقوق الوالدين وكان متكئاً فجلس، وقال: ألا وقول الزور، وشهادة الزور، فما زال يكررها حتى قلنا: ليته سكت

Dari Abu Bakrah diredhai Allah ke atasnya: Rasullulah SAW bersabda: Mahukah saya beritahu kepada kalian tentang dosa yang paling besar? Kami(para sahabat) menjawab: Mahu ya Rasullulah. Baginda bersabda: Syirik kepada Allah dan derhaka kepada kedua ibu-bapa. Saat itu, Baginda sedang bersandar (di atas sikunya), lalu terus duduk. Lantas Baginda bersabda: Ketahuilah, dan termasuklah juga ke dalam sebesar-besar dosa ialah kata-kata palsu serta penyaksian palsu. Baginda sentiasa mengulang-ulangnya sehingga kami berkata (dalam hati), mudah-mudahan Baginda diam. (Muslim, *Sahih Muslim*, no. hadis: 377)

Jika melihat kepada matan bagi hadis-hadis di atas, kita akan dapati bahawa perbuatan dusta merupakan salah satu daripada perbuatan orang munafik yang amat dibenci oleh Allah dan RasulNya tidak kiralah dusta itu dilontarkan kepada orang Muslim, kafir, orang baik mahupun *fajir*. Selain itu, Allah SWT telah menjanjikan kesan dan balasan yang amat buruk kepada mereka yang berdusta (al-Kut, 2013). Di samping itu, Allah SWT juga telah berfirman di dalam surah al-Zariyat dan al-Mu'min dengan menyebut bahawa sesungguhnya orang yang berdusta itu akan menerima kutukan daripadaNya dan sesungguhnya Dia tidak akan memberi petunjuk kepada mereka yang berdusta. "Terkutuklah para pendusta itu". (al-Zariyat, 51: 10).

إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ كَذَّابٌ ٢٨

Sesungguhnya Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada orang yang melampaui batas lagi berdusta.(al-Mu'min, 40: 28)

Selain larangan berdusta, Allah SWT serta Nabi Muhammad SAW turut melarang manusia daripada menyebarkan fitnah. Ini dapat dibuktikan menerusi nas al-Quran dan hadis Baginda yang bermaksud :

Mereka yang menyakiti orang-orang yang beriman, lelaki mahupun wanita, terhadap sesuatu yang tidak mereka kerjakan, sungguh mereka memikul fitnah dan dosa yang nyata.(al-Ahzab, 58 :58)

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ

Tidak akan memasuki syurga orang yang suka memfitnah (mengadu domba). (al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, no. hadis: 6056)

Berdasarkan nas di atas, Allah SWT menyebut sejelas-jelasnya bahawa mereka yang melancarkan tuduhan buruk terhadap orang-orang Islam namun pada hakikatnya orang-orang Islam tersebut tidak melakukan akan hal yang disebutkan itu, maka tindakan tersebut merupakan suatu kedustaan dan fitnah besar yang mengundang dosa. Larangan perilaku buruk ini dikuatkan lagi dengan penggunaan kalimah *la* dalam hadis di atas yang mana lafaz ini merupakan salah satu daripada lafaz perintah yang berbentuk penafian yang

membawa maksud perkara tersebut wajib ditinggalkan. Maka, mafhum di atas yang menyebut “tidak akan memasuki syurga” jelas menunjukkan bahawa Allah SWT menafikan syurga bagi golongan yang menyebarkan fitnah.. Hal ini kerana dengan perbuatannya yang suka memfitnah ini akan menyebabkan wujudnya perbalahan antara dua orang yang tiada bermusuhan sebelumnya. Boleh jadi sahaja dengan fitnah yang dilemparkan itu akan mengakibatkan dua sahabat yang berbaik-baikkan itu saling berbunuh-bunuhan akibat daripada fitnah keterlaluan tersebut sehingga menyakitkan hati pihak yang difitnah.

2. Merosakkan reputasi

Islam melarang manusia daripada menyakiti manusia lain dengan cara mengata dan memakinya dengan perkataan-perkataan keji sepertimana yang ditonjolkan dalam sesetengah aktiviti *troll* yang berlaku di media sosial. Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW telah banyak memperingatkan manusia menerusi firmanNya serta hadis Baginda supaya menjauhi serta meninggalkan perbuatan mengata dan memaki manusia lain dengan perilaku jahat atau dengan kata bicara yang lucah dan cabul, begitu juga melarang daripada berkata nista dan memaki mereka. Larangan ini adalah kerana perbuatan-perbuatan seperti ini akan menyebabkan berlakunya permusuhan di antara orang yang mengata dan yang diperkata. Tambahan pula, tindakan seperti ini akan memburukkan reputasi orang yang diperkata secara tidak langsung akan memalukannya di hadapan manusia lain. Larangan tindakan pengamalan tingkah laku mengata dan memaki ini banyak disebut di dalam hadis-hadis Nabi Muhammad SAW yang berikut:

إِيَّاكُمْ وَالْفُحْشَ، فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْفُحْشَ

Takuti olehmu akan perkataan yang keji itu, maka bahawasanya Allah Taala tiada kasih akan orang yang berkata-kata akan perkataan yang keji itu (Ahmad, *Musnad Ahmad*, no. hadis: 9202).

الْبِدْأَةُ وَالْبَيِّنَاتُ شُعْبَتَانِ مِنَ النَّفَاقِ

Perkataan yang jahat dan orang yang menyatakan aib manusia iaitu kedua-duanya cabang dari munafiq (al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, no. hadis: 2017)

Selain itu, Nabi Muhammad SAW juga telah bersabda secara terang-terangan dengan menggunakan kalimah *la* di dalam hadis Baginda yang menyatakan bahawa tindakan mengata dan memaki dengan perkataan keji adalah di larang dalam Islam. Hal ini kerana, perilaku buruk tersebut bukan sahaja boleh menghasilkan dosa bahkan ianya turut mampu merosakkan hubungan persaudaraan sesama Muslim. Berikut merupakan hadis yang menjelaskan mengenai perkara tersebut:

الْمُسْلِمُ أَحْوُ الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَحْذُلُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ بِحَسَبِ امْرَأٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ إِخَاهُ مُسْلِمًا

Seorang Muslim adalah menjadi saudara kepada Muslim yang lain, tidak boleh menganiayanya, mensesiakannya, dan menghina. Memadailah bagi seorang muslim mendapat dosa, apabila dia menghina saudaranya yang muslim (Muslim, *Sahih Muslim*, no. hadis: 4677).

Di samping itu, sesetengah ulama' juga ada menyatakan bahawa orang yang berkata-kata dengan perkataan keji, di hari kiamat kelak akan dihalau dan dia datang dalam rupa anjing atau di dalam perut anjing (al-Falimbani, 2012). Ini memperlihatkan kepada kita bahawa tindakan berkata dengan kata-kata keji ini sangat dibenci oleh Allah kerana perilaku buruk ini bukan sahaja boleh mencemarkan reputasi diri seseorang bahkan turut boleh mengakibatkan kejatuhan kerjayanya.

3. Menyebarkan keburukan

Umumnya, kebanyakan *troll* yang berlaku di media sosial adalah ditujukan kepada ahli politik. Hal ini kerana ahli politik merupakan individu yang mempunyai kuasa terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan negara dan rakyat. *Troller* kebiasaannya memfokuskan *troll* kepada ahli politik kerana *troller* melakukan tindakan tersebut atas sebab didorong dengan rasa marah, dendam dan tidak puas hati terhadap sesuatu tindakan yang ahli politik tersebut lakukan secara tidak langsung menyebabkan *troller* mengambil tindakan untuk menyebarkan keburukan perbuatan yang dilakukan oleh ahli politik tersebut kepada umum dengan cara sindiran. Tindakan *troll* seperti ini jika kita teliti, ianya termasuk di dalam kategori tindakan yang disebut sebagai "ghibah". Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَنَاجَشُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا.

Dari Abu Hurairah diredhai Allah ke atasnya, telah bersabda Nabi Muhammad SAW: Jangan kamu berdengki-dengki dan jangan kamu berbenci-bencian dan jangan kamu mengumpat setengah kamu akan setengah kamu, jangan membeli atas belian sebahagian yang lain dan jadikan oleh kamu akan segala hamba Allah itu saudara (Muslim, *Sahih Muslim*, no. hadis: 4650).

Mengikut kaedah usul fiqh, penggunaan kalimah *la* dalam hadis di atas merupakan lafaz larangan yang membawa maksud tuntutan untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan. Maka di sini, dapatlah kita simpulkan bahawa tindakan mengumpat merupakan suatu tindakan yang dilarang dalam Islam dan ianya wajib ditinggalkan. Selain itu, Allah SWT juga telah melarang umat manusia daripada melakukan ghibah kepada manusia yang lain menerusi ayat-ayat al-Quran yang berikut:

وَلَا يَغْتَابَ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ ١٢

Dan janganlah sebahagian kamu menggunjing sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. (al-Hujurat,49:12)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, jelaslah di sini bahawa ghibah merupakan satu tindakan yang dilarang berdasarkan penggunaan kalimah *la* yang dimuatkan dalam nas tersebut. Larangan ini adalah kerana tindakan sepereti ini boleh menyingkap aib seseorang di mana aib tersebut merupakan sesuatu yang dibenci oleh orang tersebut apabila dia mengetahuinya. Selain itu, ayat al-Quran di atas juga turut memperjelaskan bahawa seseorang yang melakukan ghibah ke atas seseorang yang lain dianggap seperti memakan daging saudaranya sendiri (Muh Rusli & M. Fil, 2014). Ghibah merupakan perbuatan yang sangat berbahaya menurut pandangan Islam kerana ianya mampu merosakkan hubungan persaudaraan sesama manusia. Hal ini kerana apabila seseorang yang diumpat itu mengetahui dirinya dibicarakan atau diburukkan, sudah tentu orang tersebut berasa sakit hati seterusnya menyebabkan timbulnya rasa permusuhan di antara orang yang mengumpat dan diumpat. Kesannya, akan berlakulah pergaduhan dan menyebabkan hilangnya rasa kasih sayang antara keduanya. Nabi Muhammad SAW ada menyebut bahawa ghibah itu dosanya adalah lebih besar daripada dosa berzina. Hal ini berikutan kerana apabila seseorang penzina bertaubat dari perbuatan zinanya, maka dia akan diampunkan oleh Allah akan tetapi seseorang yang mengumpat sekalipun dia telah bertaubat dari perbuatan ghibahnya, dia tetap tidak akan diampunkan Allah melainkan setelah dia memohon maaf dari orang yang diumpatinya (al-Qarashi, 1993). Selain itu, Nabi Muhammad SAW juga ada bersabda:

وَعَنْ سَعِيدِ بْنِ زَيْدٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ مِنْ أَرْبَى الرَّبَا
الْإِسْطِطَالَةَ فِي عَرَضِ الْمُسْلِمِ بِغَيْرِ حَقٍّ

Dari Sa'id bin Zaid diredhai Allah ke atasnya, dari Nabi Muhammad SAW telah bersabda: Sesungguhnya yang paling riba daripada riba adalah penggunjingan terhadap kehormatan seorang muslim dengan tanpa kebenaran (Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, no. hadis: 4878).

Hadis di atas jelas menyatakan bahawa dosa ghibah adalah lebih besar daripada dosa orang yang memakan riba. Oleh itu, sebagaimana dihukumkan haram ke atas riba, maka begitulah juga dihukumkan haram ke atas umpatan dan sesungguhnya kedua-dua perbuatan ini termasuk di dalam dosa-dosa besar yang wajib dihindari. Allah SWT telah menjanjikan hukuman yang berat ke atas pelaku ghibah menerusi hadis Nabi Muhammad SAW yang berbunyi:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَرَرْتُ لَيْلَةَ أُسْرِي
بِئِ عَلَى قَوْمٍ يَحْمُسُونَ وُجُوهُهُمْ بِأَطْفِيرِهِمْ، فَقُلْتُ : يَا جِبْرِيْلُ مَنْ هَؤُلَاءِ؟ قَالَ : هَؤُلَاءِ الَّذِينَ
يَعْتَابُونَ النَّاسَ وَيَقْعُونَ فِي أَعْرَاضِهِمْ

Dari Anas bin Malik diredhai Allah ke atasnya, telah bersabda Nabi Muhammad SAW: Adalah aku telah lalu pada malam Isra', maka aku sampai kepada Baitul Maqdis yakni malam Mikraj atas suatu kaum padahal mereka itu menggaru-garu seluruh muka mereka dengan kuku hingga luka muka mereka itu. Maka aku kata: Hai Jibril! siapa mereka itu? maka kata Jibril: Mereka itulah orang yang mengumpat-ngumpat akan manusia dan jatuh di dalam menyebut keaiban manusia (Ibn Abi Dunia, *Dhamm al-Ghibah wa al-Namimah*, no. hadis 26).

4. Menjatuhkan maruah

Syarak menyeru setiap manusia supaya menahan diri daripada melakukan sesuatu tindakan yang boleh menjatuhkan maruah seseorang seperti tindakan mengganggu dan mempersendakan orang lain tidak kiralah yang diganggu dan dipersendakan itu merupakan sesuatu yang berkaitan dengan jiwa, atau mungkin juga yang berhubungan dengan kehormatan dirinya. Sedangkan menjaga maruah manusia merupakan satu aspek *maqasid al-shari'ah*, iaitu *hifz al-'irdh* (memelihara maruah) sama ada bagi golongan lelaki mahupun wanita. Namun, dalam fiqh Islam ungkapan *hifz al-'irdh* telah digantikan dengan *hifz al-karamah al-insaniyyah* (memelihara kemuliaan insan) ('Auda, 2013). Dalam perbincangan ulama, terdapat sarjana yang menambah *daruriyyat* keenam iaitu menjaga maruah (al-Kamali, 2000).

Selain itu, mengganggu orang lain pula ertinya sama dengan menganiayanya termasuklah di dalamnya gangguan yang kecil mahupun gangguan yang besar (Adz-Dhahaby, 1994). Tindakan mengganggu dan mempersenda ini boleh wujud bila mana manusia mengambil sikap tidak menghormati hak peribadi orang lain dengan cara tidak berhati-hati serta tidak menahan diri daripada melakukan sesuatu tindakan seperti mana yang dapat dilihat pada perlaksanaan aktiviti *troll* dalam talian. Pada kebiasaannya, aktiviti *troll* yang wujud di media sosial dilakukan atas tujuan untuk mengganggu dan mempersendakan seseorang dengan matlamat untuk membuat individu tersebut berasa sakit hati dan dimalukan di hadapan umum (Fatimah Ibrahim, 2016). Islam menegah manusia daripada mengganggu dan mempersendakan orang lain kerana tindakan seperti ini bukan sahaja boleh memalukan individu yang menjadi mangsa, bahkan ianya juga boleh menyingkap aib seterusnya menjatuhkan maruah individu tersebut. Berikutan hal itu, Allah telah menjanjikan di dalam firmanNya bahawasanya Dia akan mempersendakan hambaNya yang telah mempersendakan manusia lain di akhirat kelak (al-Falimbani, 2012). Larangan tindakan serta balasan bagi tindakan ini telah diperjelaskan menerusi ayat al-Quran serta hadis Nabi Muhammad SAW yang berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ

Wahai orang-orang yang beriman! Jangan mempersendakan satu kaum daripada satu kaum...(al-Hujurat, 49: 11).

Sabda Nabi Muhammad SAW:

عن الحسن رضي الله عنه ، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إنَّ المُستَهزَئِينَ بِالنَّاسِ يُفْتَحُ لِأَحَدِهِمْ بَابٌ مِنَ الْجَنَّةِ ، فَيَقَالُ: هَلُمَّ هَلُمَّ فَيَجِيءُ بِكَرْبِهِ وَعَمِّهِ ، فَإِذَا جَاءَ أُغْلِقَ دُونَهُ ، ثُمَّ يُفْتَحُ لَهُ بَابٌ آخَرَ ، فَيَقَالُ لَهُ : هَلُمَّ هَلُمَّ ، فَيَجِيءُ بِكَرْبِهِ وَعَمِّهِ ، فَإِذَا جَاءَ أُغْلِقَ دُونَهُ ، فَمَا يَزَالُ كَذَلِكَ ، حَتَّى إِنَّ الرَّجُلَ لِيُفْتَحَ لَهُ الْبَابُ فَيَقَالُ لَهُ: هَلُمَّ هَلُمَّ ، فَمَا يَأْتِيهِ

Dari Hasan diredhai Allah ke atasnya telah berkata: Bersabda Nabi Muhammad SAW: Bahawasanya orang yang mempersendakan orang lain itu akan dipersendakan oleh Allah Taala di akhirat kelak iaitu dibukakan bagi mereka itu akan satu pintu daripada pintu syurga maka dikata bagi mereka itu: Marilah masuk ke dalam syurga! Maka datang mereka itu dengan lelah dan dengan susah. Maka apabila sampai dia ke pintu syurga itu maka ditutup akan pintunya itu maka tinggal mereka itu di luar. Maka sentiasa diperbuat akan mereka itu seperti yang demikian itu hingga bahawa seseorang itu dibukakan baginya akan pintu syurga maka dikata baginya: Marilah masuk ke dalam syurga maka tiada mahu ia datang akan dia pada ketika itu”, lalu diperhatikan mereka itu maka dimasukkan akan dia ke dalam neraka. (Ibn Abi Dunia, *Dham al-Ghibah wa al-Namimah*, no. hadis 149)

Jika diteliti daripada ayat al-Quran di atas, penggunaan kalimah *la* secara jelasnya menunjukkan larangan Allah secara hakiki terhadap tindakan tersebut. Perbuatan ini diharamkan kerana barangkali orang yang dipersendakan itu lebih tinggi kedudukannya di sisi Allah dan lebih disukai oleh-Nya daripada orang yang meremehkannya. Sesungguhnya balasan bagi mereka yang mempersenda dan mengganggu orang lain adalah neraka tempatnya sekalipun di akhirat kelak dia berjalan dengan bersusah payah dan telah sampai di hadapan pintu syurga, akan tetapi Allah tetap mencampaknya ke dalam neraka. Bagi manusia yang telah melakukan perbuatan ini, wajib ke atasnya bertaubat dan memohon ampun dari orang yang mereka persendakan dan ganggu. Hal ini kerana Allah telah menjanjikan azab yang pedih lagi menyakitkan sekiranya mereka tidak bertaubat dan memohon maaf atas tindakan tercela yang telah dilakukannya itu. Sebagaimana firman Allah Taala di dalam surah al-Shura ayat 42 yang berbunyi:

إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَظْلِمُونَ النَّاسَ وَيَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٤٢

Sesungguhnya kesalahan hanya ada pada orang-orang yang berbuat zalim kepada manusia dan melampaui batas di bumi tanpa mengendahkan kebenaran. Mereka itu mendapat siksaan yang pedih.(al-Shura, 42: 42)

Rasullulah SAW juga bersabda:

مَا مِنْ ذَنْبٍ أَجْدَرُ أَنْ يُعَجَّلَ اللَّهُ لِصَاحِبِهِ الْعُقُوبَةَ فِي الدُّنْيَا، مَعَ مَا يُدَّخِرُ لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْبَغْيِ،
وَقَطِيعَةَ الرَّحْمِ

Tiada satu dosa yang lebih cepat untuk dihukum Allah kepada pelakunya di dunia, meskipun sipelakunya itu mempunyai simpanan amalannya di akhirat seperti membuat penganiyaan (ke atas manusia) dan memutuskan hubungan silatur-rahim. (al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, no. hadis: 2448)

Tuntasnya, pelaksanaan aktiviti *troll* yang bermatlamatkan negatif seperti dilakukan untuk tujuan menjatuhkan maruah, mencemarkan reputasi serta mengaibkan individu tertentu adalah haram serta dilarang Syarak dan pelaku bagi kesemua perbuatan ini akan mendapat siksaan yang amat pedih di akhirat kelak. Selain itu, tindakan *troll* seperti ini juga dilarang dalam Islam kerana ianya akan menyebabkan wujudnya permusuhan, merosakkan perhubungan serta akhlak dan syahsiah masyarakat.

Hukum Troll Yang Bertujuan Positif

Walaupun *troll* merupakan salah satu daripada gejala pembulian siber, akan tetapi tidak semua *troll* dilakukan bertujuan dan bermatlamat negatif. Terdapat juga *troll* yang dilakukan dengan tujuan dan matlamat yang positif seperti dilakukan untuk tujuan hiburan atau gurauan semata-mata.

Islam tidak melarang manusia untuk melakukan gurauan akan tetapi perlulah mematuhi etika-etika dan adab-adab gurauan senda. Adapun demikian, aktiviti *troll* yang bermatlamatkan hiburan dan gurauan semata-mata tetap dilarang sama sekali ke atas umat Islam kerana ianya tidak mematuhi beberapa adab dan etika gurauan senda dalam Islam yang berikut:

- i. Gurauan senda yang dilakukan mestilah tidak bersifat dusta akan tetapi *troller* melakukan *troll* dengan mencipta kandungan mesej yang palsu. Ini bersalahan dengan etika gurauan senda. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW:

وَيْلٌ لِلَّذِي يُحَدِّثُ فَيَكْذِبُ لِيُضْحِكَ بِهِ الْقَوْمَ، وَيْلٌ لَهُ وَيْلٌ لَهُ

Binasalah bagi seorang yang bercerita maka ia berdusta supaya tertawa daripadanya manusia. Binasalah baginya, binasalah baginya (Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, no. hadis: 4341).

- ii. Gurauan senda mestilah tidak mengandungi unsur penghinaan sehingga membuka aib orang lain tetapi kebiasaannya *troll* yang dilakukan untuk tujuan hiburan dan

gurauan semata mata sedikit sebanyak tetap akan memburukkan, memalukan dan mengaibkan individu yang kena *troll*. Dan ini bersalahan dengan etika gurauan yang digariskan. Sebagaimana firman Allah SWT yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرَّ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللُّغَابِ بِسْمِ الْأَلْسَامِ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ١١

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain, kerana boleh jadi mereka yang diperolok-olokkan lebih baik dari mereka yang mengolok-olok, dan jangan pula perempuan-perempuan mengolok-olokkan perempuan lain, kerana boleh jadi perempuan yang diperolok-olokkan lebih baik dari perempuan yang memperolok-olokkan. Janganlah kamu saling mencela antara satu sama lain, dan janganlah saling memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah panggilan yang buruk(fasik) setelah beriman. Dan barangsiapa yang tidak bertaubat, mereka itulah orang-orang yang zalim. (al-Hujurat, 49: 11).

- iii. Hendaklah gurauan senda dilakukan dengan kadar yang sedikit dan tidak berlebih-lebihan. Ini bertentangan dengan bentuk pelaksanaan budaya *troll* yang mana meskipun *troll* dilakukan untuk tujuan hiburan dan gurauan, akan tetapi ianya agak keterlaluan dan melampau sehingga membuatkan penonton atau penerima terkesan dengan *troll* yang dibuat.

وَلَا تُكْثِرِ الضَّحْكَ، فَإِنَّ كَثْرَةَ الضَّحْكِ تُمِيتُ الْقَلْبَ

Janganlah kamu banyak ketawa, sesungguhnya banyak ketawa itu boleh mematikan hati. (al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, no. hadis: 759).

- iv. Gurauan senda mestilah tidak membawa kemudaratan kepada diri sendiri. Sekalipun *troll* dilakukan untuk tujuan hiburan dan gurauan semata-mata, akan tetapi ianya boleh mewujudkan permusuhan dan pergaduhan antara *troller* dan mangsa *troll* serta boleh merosakkan sahsiah *troller* itu sendiri (Zaenuri, 2014).
- v. Gurauan senda yang dilakukan hendaklah menjaga dan tidak menyinggung perasaan orang lain. Walaupun *troll* dilakukan untuk tujuan gurauan dan hiburan semata-mata, akan tetapi ianya mengganggu pengguna dalam talian dan membuat mangsa *troll* kelihatan bodoh pada pandangan penonton sekaligus memalukan dan memburukkan si mangsa.
- vi. Hendaklah gurauan senda itu tidak menggunakan perkataan yang buruk iaitu gurauan tersebut mestilah bebas daripada kata-kata kesat, kejian dan unsur lucah. Sekalipun *troll* dilakukan untuk tujuan hiburan dan gurauan semata-mata, akan tetapi kebiasaannya *troll* dilakukan menggunakan kata-kata yang buruk dan menyakitkan hati.

- vii. Hendaklah gurauan senda itu diketahui umum bahawa ianya merupakan satu gurauan. Etika ini tidak dipatuhi oleh aktiviti *troll* kerana walaupun *troll* dilakukan untuk tujuan hiburan dan gurauan semata-mata, akan tetapi tidak semua pengguna atau penerima dalam talian yang menerima dan membaca kandungan mesej *troll* menganggap ianya merupakan satu gurauan dan hiburan semata-mata. Terdapat juga sesetengah daripada mereka menganggap kandungan mesej *troll* yang dihantar itu lebih bersifat penghinaan terhadap seseorang.

Kesimpulannya, walaupun seseorang individu melakukan *troll* untuk tujuan hiburan dan gurauan semata-mata, akan tetapi ianya tidak menepati beberapa adab dan etika gurauan senda yang digariskan dalam Islam di samping perlakuannya memberi kesan yang buruk kepada pengguna-pengguna lain dalam talian terutamanya mangsa yang kena *troll*. Oleh itu, hukumnya adalah haram dan ditegah dalam Islam sama seperti *troll* yang dilakukan untuk tujuan negatif. Adapun demikian, sekiranya *troller* yang melakukan *troll* untuk tujuan hiburan dan gurauan semata-mata mematuhi kesemua etika serta adab gurauan senda yang digariskan Syarak, maka aktiviti *troll* itu dihukumkan makruh kerana tindakan *troll* itu tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada mana-mana pihak dan pelaksanaan tindakan tersebut termasuk di dalam perbuatan yang sia-sia.

Hukum Menyebarkan Kandungan Mesej Troll

Bagi individu yang tidak melakukan aktiviti *troll* tetapi menyebarkan kandungan mesej *troll* tersebut, hukumnya sama seperti mereka yang melakukan aktiviti *troll*. Hal ini kerana, walaupun kandungan mesej *troll* yang bersifat palsu, menyakitkan hati, menghina mangsa yang kena *troll* itu dicipta oleh *troller* sahaja, akan tetapi bila mana individu lain menyebarkan kandungan mesej tersebut kepada umum, maka dia juga dianggap telah menyokong dan melakukan tindakan yang sama seperti *troller* tersebut kerana dia juga telah memburukkan dan membuka aib individu yang menjadi mangsa (Mohd Anuar et al., 2018). Maka, hukumnya juga adalah haram dalam Islam dan individu tersebut turut akan mendapat balasan yang sama seperti *troller*. Sebagaimana firman Allah SWT yang berbunyi:

إِنَّ الَّذِينَ يُجِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفُحْشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ١٩

Sesungguhnya orang-orang yang suka agar (berita) perbuatan yang amat keji itu tersiar dalam kalangan orang-orang yang beriman. Bagi mereka azab yang pedih di dunia dan akhirat. (al-Nur, 24: 19)

Nas di atas jelas menunjukkan mengenai larangan ke atas manusia supaya tidak menanggapi, membicarakan dan menyiarkan sesuatu perkara buruk yang datang

kepadanya kepada orang ramai. Bagi mereka yang suka sesuatu berita atau perbuatan keji tersiar dan menjadi perbincangan orang ramai, maka dia akan ditimpakan azab di akhirat kelak. Selain itu, Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW juga telah menyebut di dalam al-Quran dan hadis Baginda yang berbunyi:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغْيٍ مَا كُنْتُمْ بِغَيْرِ مَا كُنْتُمْ بِهِنَّ وَإِنَّمَا مِيْنًا ٥٨

Mereka yang menyakiti orang-orang yang beriman, lelaki mahupun wanita, terhadap sesuatu yang tidak mereka kerjakan, sungguh mereka memikul fitnah dan dosa yang nyata. (Al-Ahzab: 58)

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَرَرْتُ لَيْلَةَ أُسْرِي بِبَنِي عَلَى قَوْمٍ يَحْمُسُونَ وَجُوهَهُمْ بِأُطْفِيرِهِمْ، فَقُلْتُ: يَا جِبْرِيْلُ مَنْ هَؤُلَاءِ؟ قَالَ: هَؤُلَاءِ الَّذِينَ يَغْتَابُونَ النَّاسَ وَيَقْعُونَ فِي أَعْرَاصِهِمْ

Adalah aku telah lalu pada malam Isra', maka aku sampai kepada Baitul Maqdis yakni malam Mikraj atas suatu kaum padahal mereka itu menggaru-garu seluruh muka mereka dengan kuku hingga luka muka mereka itu. Maka aku kata: Hai Jibril! siapa mereka itu? maka kata Jibril: Mereka itulah orang yang mengumpat-ngumpat akan manusia dan jatuh di dalam menyebut keaiban manusia (Ibn Abi Dunia, *Dham al-Ghibah wa al-Namimah*, no. hadis 26).

Melalui nas-nas tersebut, sesungguhnya Allah SWT menyebut secara jelas bahawa tindakan menyakiti orang-orang yang beriman terhadap sesuatu perkara yang tidak mereka kerjakan adalah merupakan satu fitnah dan dosa. Selain itu, dalil-dalil di atas juga menyebut bahawa Allah SWT telah menjanjikan balasan yang buruk ke atas orang-orang yang mengumpat dan memfitnah. Jika dikaji dan diteliti dengan lebih mendalam, kita akan dapat simpulkan bahawa individu yang menyebarkan mesej *troll* juga boleh dikategorikan sebagai orang yang mengumpat dan memfitnah kerana individu tersebut telah menyebarkan kandungan mesej buruk mengenai mangsa *troll* kepada umum. Ini bermaksud, jika individu yang menyebarkan kandungan mesej *troll* tersebut mengetahui bahawa kandungan mesej *troll* yang disebarkannya itu benar, maka dihukumkan ke atasnya sama seperti dosa orang yang mengumpat dan jika mesej yang disebarkannya itu palsu, maka dihukumkan ke atasnya sama seperti dosa orang yang memfitnah. Pendek kata, kedua-dua perbuatan memfitnah dan mengumpat yang diaplikasi dalam tindakan penyebaran kandungan mesej *troll* tersebut akan memburukkan, memalukan serta membuka aib mangsa *troll*. Maka, dengan sebab itulah tindakan menyebarkan kandungan mesej *troll* dilarang dalam Islam dan individu yang melakukannya turut akan mendapat balasan serta dosa yang sama seperti orang yang mengumpat, memfitnah serta mengaibkan orang lain.

Bagi mereka yang menyebarkan kandungan mesej *troll* dengan tujuan untuk sekadar hiburan dan gurauan pula, ianya dihukumkan makruh jika kandungan mesej *troll*

yang disebarkannya itu menepati kesemua etika serta adab gurauan senda yang digariskan dalam Islam di mana kandungan *troll* yang disebarkan tidak memburukkan dan mengaibkan mana-mana individu serta tidak menimbulkan kesan negatif kepada mana-mana pihak. Islam menghukumkan makruh ke atas pelaksanaan tindakan tersebut kerana tindakan tersebut tidak memberi apa-apa manfaat kepada mana-mana pihak. Adapun begitu, jika kandungan mesej *troll* yang disebarkan tidak menepati kesemua adab serta etika gurau senda yang digariskan, ianya tetap dihukumkan haram. Tambahan pula, Allah SWT telah memperingatkan kepada manusia supaya tidak melakukan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah apa lagi melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan keburukan kepada manusia lain. Ini bertepatan dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang berbunyi:

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَغْنِيهِ

Sesetengah daripada sebaik-baik Islam seorang manusia itu iaitu meniggalkan dia akan barang yang tiada memberi manfaat di dalam akhirat (al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, no. hadis: 2318).

Sehubungan itu, setiap manusia perlu menjaga diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah dan reputasi, memburukkan dan membuka aib saudaranya yang lain kerana ianya adalah satu tindakan yang dibenci Allah serta haram untuk dilakukan dan Allah juga telah menjanjikan balasan yang amat pedih.

Kesimpulan

Islam merupakan agama yang sempurna dan lengkap serta menjadi rahmat kepada seluruh manusia dapat dibuktikan bila mana Islam itu sendiri merupakan agama yang menjaga dan membentuk akhlak mulia seseorang individu. Maka dengan itu, setiap manusia perlu menjaga diri serta tingkah laku daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mencetuskan permusuhan dan pergaduhan di samping perlu mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan hubungannya bersama saudara-saudara yang lain.

Antara tindakan yang perlu dilakukan oleh masyarakat adalah masyarakat hendaklah mengelakkan diri daripada mencipta *troll* kerana *troll* merupakan satu tindakan yang boleh memburukkan dan menyakiti hati individu yang menjadi mangsa. Selain itu, *troll* ini dilihat boleh menjatuhkan maruah dan reputasi seseorang di khalayak umum disamping merosakkan hubungan sesama manusia kerana tindakan seperti ini boleh mewujudkan permusuhan antara orang yang melakukan *troll* dengan orang yang menjadi mangsa *troll*. Larangan perlakuan aktiviti *troll* adalah kerana ianya tidak memberi sebarang faedah kepada individu yang terlibat sebaliknya memberikan kesan yang buruk kepada individu tersebut. Sesungguhnya perkara ini berlawanan dengan seruan agama Islam itu sendiri

yang mana menyeru umat manusia untuk meninggalkan perkara-perkara mungkar serta tidak mendatangkan faedah.

Selain itu, masyarakat juga disarankan untuk tidak menyebarkan serta membudayakan aktiviti *troll* di dalam talian. Hal ini berikutan kerana tegahan daripada melakukan budaya *troll* sahaja tidak dapat menghentikan budaya ini dari terus merebak sekiranya masih terdapat individu lain yang mengambil tindakan menyebarkan mesej *troll* yang dibuat bahkan penyebaran mesej *troll* di media sosial ini dilihat mampu membawa keburukan yang lebih besar kerana individu yang menyebarkan mesej tersebut seolah-olah dengan sengaja mendedahkan perkara yang mengaibkan individu yang menjadi mangsa *troll* di mana mesej *troll* tersebut pada asalnya mungkin sahaja tidak diketahui oleh pengguna-pengguna dalam talian yang lain, akan tetapi dengan tindakannya yang menyebarkan mesej *troll* tersebut menyebabkan tersebar luasnya mesej tersebut di media sosial. Ini secara tidak langsung akan membuka aib individu yang kena *troll* itu kepada umum sedangkan Islam melarang tindakan membuka aib seseorang.

Tuntasnya, tindakan mencipta *troll* dan menyebarkannya mesti dihentikan dengan segera kerana ia melibatkan maruah mangsa *troll*, sama ada bagi tujuan penghinaan atau pun lawak jenaka. Ia bukanlah bentuk hiburan yang dibenarkan Syarak. Sehubungan dengan itu, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dan ledakan media sosial pada masa kini perlu dimanfaatkan dengan pengisian yang positif bagi mencapai keharmonian hidup bermasyarakat.

Rujukan

- 'Awda, Jaser. (2013). *al-Ijtihad al-Maqasidi: Min al-Tasawwur al-Usulī ila al-Tanzil al-'Ilmi*, Beirut: al-Shabakah al-'Arabiyyah.
- "Policy Briefing: Online Bullying and Trolling," Knowthenet, <http://www.knowthenet.org.uk/sites/default/files/files/Trolling-Booklet-4.pdf>. Diakses 20 Julai 2018.
- Adz-Dzahaby, Imam Al-Hafizh Muhammad bin Ahmad bin Usman. (1994), *Dosa-dosa Besar*. Terj, Syed Ahmad Semait, Singapura: Pustaka Nasional.
- al-Falimbani, Abdus-Shamad, (2012), *Sairus Salikin (Perjalanan Orang Yang Salik Kepada Allah)*, Kedah, Malaysia: Khazanah Banjariah.
- al-Kamali, 'Abdullah Yahya. (2000). *Maqasid al-Shari'ah fi Daw'i Fiqh al-Muwazanat*, Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Kut, Muhammad Ahmad. (2013). *Mawsu'ah al-Nawahi al-Shar'iyyah*. Iskandariah: al-Dar al-'Alamiyyah.
- al-Qarashi, Abi Bakr Abdullah Bin Muhammad Bin 'Abid Bin Sufyan. (1993). *al-Ghibah wa al-Namimah*, Beirut: Muassasah al-Kitab at-Thaqafiah.

- Ansong, E.D. Tony, T., Dominic, D., E. Afum Ampomah & Winfred Larkotey. (2013). Internet Trolling in Ghana. *International Journal of Emerging Science and Engineering (IJESE)* 2.
- Babab.net. (2018). babab.net/artikel/maksud-tersirat-di-sebalik-isu-najib-kangkung.html Diakses 5 Oktober 2018
- Bishop, Jonathan. (2013). The effect of de- individualation of the internet troller on criminal procedure implementation: An interview with a hater. *International Journal of Cyber Criminology* (2013) 28-48.
- Carigold.com. (2018). www.carigold.com/portal/forums/archieve/index.php/t-482638.html Diakses 5 Oktober 2018
- Fatimah Ibrahim. (2016). Konsep penjagaan air muka dalam teks data *Whatsapp*: Aplikasi Teori Ting-Toomey. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10: 148-159.
- Fragoso, S. (2015). Huehuehue i'm br": spam, trolling and griefing in online games. *Porto Alegre* 22(3): 1-15.
- Griffiths, M.D. (2014). Adolescent trolling in online environment: a brief overview. *Education and Health Journal*, 32(3): 85-87.
- Ibn Abi Dunya. (1993). *Dhamm al-Ghibah wa al-Namimah*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafah.
- Kamus Dwibahasa Oxford*. (2011). Ed. Ke-5. Selangor: Oxford Fajar.
- Klempka, A. & Stimson, A. (2013). Anonymous communication on the internet and trolling. *Concordia Journal of Communication Research*, 1-43. <https://comjournal.csp.edu/wp-content/uploads/sites/40/TrollingPaper-Allison-Klempka.pdf>. Diakses 5 Oktober 2018.
- Mccosker, A. (2013). Trolling as provocation: Youtube's agonistic publics. *The International Journal of Research Into New Media Technologies*, 20(2): 201-217.
- Mediapenmerah.com. (2018). www.mediapenmerah.com/2015/08/kelakar-ke-respon-selamba-azalina.html . Diakses 5 Oktober 2018.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Naqib Hamdan & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar (2018). Aplikasi al-tabayyun dalam menangani penularan maklumat palsu berkaitan produk halal. *Jurnal al-Basirah*, 8(1): 23-36.
- Morrissey, L. (2010). Trolling is a art: Towards a schematic classification of intention in internet trolling. *Griffith Working Papers in Pragmatics and Intercultural Communication*, 3(2), 75-82.
- Muh Rusli & M.Fil.I. (2014). Bahaya ghibah dalam konteks hidup bermasyarakat", *Jurnal Madani*, 4(1): 138-000.
- Says.com. (2018). says.com/seismic/bagaimana-qu-puteh-berjaya-takluk-malaysia-dalam-masa-kurang-30-hari. Diakses 5 Oktober 2018.
- Segambutprincess.blogspot. (2018). segambutprincess.blogspot.my/2013/01/cytro-pr-tidak-sensitif-troll.html?m=1. Diakses 5 Oktober 2018.
- Zaenuri. (2014). Bahaya lisan: Study kualitas senda gurau dalam kitab Ihya' Ulum ad-Din", skripsi. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.